

## Keperluan Gelandangan terhadap Sistem Sokongan Agama

### *Homeless Requirements Of Religious Support System*

Rafiza binti Mohamed<sup>1</sup>, Jaffary Awang<sup>2</sup>, Ahmad Sunawari Long<sup>3</sup> & Zaizul Ab Rahman<sup>4</sup>

#### **ABSTRAK**

*Kebelakangan ini isu gelandangan kian rancak diperbincangkan dan menjadi agenda penting kebanyakan negara termasuk Malaysia. Pelbagai usaha dilakukan untuk membantu golongan tersebut. Masyarakat juga dilihat semakin peka kepada isu ini. Walaupun pelbagai usaha dilakukan pelbagai pihak, golongan ini dilihat memerlukan kepada bantuan dari sudut yang boleh membangunkan semula diri mereka. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis teks bagi mengenal pasti sistem sokongan yang perlu ke atas gelandangan. Ia adalah bertujuan untuk mengenal pasti sistem sokongan yang sesuai diaplikasikan ke atas gelandangan serta meneliti hubungan sistem sokongan dengan daya tahan gelandangan. Persoalan apakah sistem sokongan yang sangat diperlukan dan bagaimana ia mampu membina daya tahan diri mereka dapat difahami menerusi kajian ini. Hasil kajian telah menunjukkan keperluan sokongan agama yang signifikan dengan pembinaan daya hidup yang bertujuan dalam kalangan gelandangan. Kajian ini seterusnya memberikan implikasi positif dan impak yang besar kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga Masyarakat (KPWKM) dalam mencari solusi yang tepat dan kemas bagi menangani masalah gelandangan.*

**Kata kunci:** *gelandangan, sistem sokongan agama, daya tahan.*

#### **ABSTRACT**

*In recent years the issue of homelessness became more lively discussion and the agenda of most countries, including Malaysia. Various efforts were made to help them. People are also seen to be sensitive to this issue. Despite efforts made by various parties, these people need to be viewed from the angle that can help rebuild themselves. This study is a qualitative which uses textual analysis to identify the necessary support systems on homelessness. It is intended to identify a suitable support system applied to the homeless, and to explore the relationship support system for homeless durability. The question of whether the support system is necessary and how it can build endurance themselves can be understood through the study. The results have shown significant support needs of the construction vitality which aims among the homeless. This study further implies a positive and significant impact to the Social Welfare Department (JKM), the National Welfare Foundation (YKN) and the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) in finding the right solution to tackle the problem and update the homeless.*

**Keywords:** *homeless, religious support systems, durability.*

#### **Pendahuluan**

Sejak lebih lima puluh dekat yang lalu, Malaysia sudah mengalami pelbagai fasa perubahan dari sudut ekonomi dan pembangunan. Taraf hidup masyarakat dilihat semakin meningkat di samping mengalami perubahan peningkatan kos hidup. Bagi masyarakat yang membina

<sup>1</sup> Rafiza binti Mohamed, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), rafizamohamed@hotmail.com

<sup>2</sup> Prof. Madya Dr. Jaffary Awang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), jaffary@ukm.edu.my

<sup>3</sup> Prof. Madya Dr. Ahmad Sunawari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), aslong@ukm.edu.my

<sup>4</sup> Dr. Zaizul Ab Rahman, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), zaizul@ukm.edu.my

hidup di kawasan urban, mereka berdepan cabaran getir untuk bertahan. Pelbagai mehnah dan tribulasi menyerang dari setiap sudut membuatkan ada di kalangan mereka yang terjebak ke dalam kancah gelandangan (Jabatan Perangkaan Malaysia).

Isu urbanisasi ini dikatakan salah satu faktor terjadinya gelandangan (Wong Kin Yap et.al 2014). Gelandangan adalah satu istilah yang tidak asing lagi di Malaysia. Menurut Akta Pembantuan Gelandangan Stewart B. McKinney 1987 (Stewart B.McKinney, *Homeless Assistance Act of 1987*), gelandangan atau “homelessness” dikenali sebagai individu yang tiada tempat tinggal yang tetap, biasa dan tempat kediaman yang mencukupi pada waktu malam. Ia juga merujuk kepada individu yang tinggal di tempat perlindungan sementara yang disedia dan dioperasi oleh organisasi awam atau swasta, tempat perlindungan sementara atau peralihan oleh pihak awam atau swasta.

National Survey of Homeless Assistance Providers and Clients (NSHAPC) pula mendefinisikan golongan gelandangan secara rasmi sebagai Individu yang tinggal di sesuatu tempat perlindungan kecemasan atau program perumahan peralihan; individu yang tinggal di hotel kebajikan atau hotel baucher; individu yang tinggal di bangunan yang ditinggalkan; individu yang tinggal di tempat perniagaan, individu yang tinggal dalam sebuah kereta atau kenderaan lain atau individu yang tinggal di luar; individu yang tinggal kekal di bawah Program Perumahan Malaysia mempunyai Akta Orang-orang Papa 1977 (Akta 183) yang diperuntukkan untuk menjaga dan memulihkan orang-orang papa dan mengawal kutu rayau. Akta ini mentakrifkan orang papa sebagai seseorang individu yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang-orang yang lazim mengunjungi tempat itu atau pun hingga mengadakan kekacauan.

Di dalam Seksyen 2, disebut seseorang yang berpeleseran dan dijumpai di sesuatu tempat awam, sama ada ya atau tidak ia mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian. Mereka ini diklasifikasikan sebagai orang papa. “Homelessness in Malaysia: Policy Sheet” mendapati 50% gelandangan menyatakan mereka bergelandangan kerana menggagur dan tidak mempunyai pekerjaan. Hal ini sangat sesuai dengan dapatan Norazizaliza (2012) yang menyatakan 90 peratus daripada responden yang ditemubual oleh beliau adalah penganggur. Statistik pengangguran di Malaysia juga menunjukkan hampir setengah juta rakyat Negara ini adalah penganggur dan tidak mempunyai pekerjaan.

Dapatan tersebut secara tidak langsung dikaitkan dengan mereka yang berkeliaran tanpa pekerjaan dan ada di antara mereka yang tidak mempunyai tempat tinggal ekoran tiada pekerjaan untuk menampung kos perumahan yang agak tinggi (Norazizaliza 2012). Menurut Kamus Dialek Melayu Jakarta Bahasa Indonesia (1976) perkataan gelandangan membawa maksud orang yang tidak tentu tempat tinggal dan pekerjaannya dan ia juga menunjukkan orang yang berkeliaran ke sana sini.

Rajah 1.2 Kadar Pengangguran sehingga 2009

NO	NEGERI	BIL. ('000)	KADAR PENGANGGURAN (%)
0.	Malaysia	450.7	4.0
1.	Kelantan	11.3	2.2
2.	Melaka	7.3	2.5
3.	Pulau Pinang	18.3	2.6
4.	Pahang	18.6	3.0
5.	Kuala Lumpur	22.8	3.4
6.	Perlis	3.0	3.5
7.	Terengganu	14.3	3.5
8.	Johor	46.6	3.5
9.	Perak	35.6	3.8

10.	Selangor*	86.1	4.0
11.	Negeri Sembilan	17.4	4.4
12.	Sarawak	47.7	4.7
13.	Kedah	36.7	5.0
14.	Sabah/Labuan	85.0	6.1

\*Termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.2 menunjukkan angka pengangguran pada suku tahun pertama 2009. Jumlah pengangguran tersebut adalah termasuk golongan yang bergelandangan. Pada masa ini memang terdapat program atau inisiatif dalam membantu golongan gelandangan terutama di Kuala Lumpur. Inisiatif ini kebanyakannya dijalankan oleh badan-badan bukan kerajaan atau (NGO). Namun begitu, program ini bersifat jangka pendek dan bersifat “*One -Off*” di mana ia tidak bersifat memberi daya kepada golongan ini sebaliknya menyebabkan golongan ini tidak dapat maju ke depan sekaligus membentuk “*Dependent Society*”. Mereka sentiasa mengharapkan bantuan untuk meneruskan kehidupan. Terdapat beberapa NGO yang berpusat di Kuala Lumpur yang menjalankan inisiatif dalam membantu golongan ini antaranya Program Dapur Jalanan yang dijalankan oleh sekumpulan anak muda yang datang daripada segenap lapisan masyarakat dan secara sukarela membantu golongan gelandangan. NGO ini akan membantu golongan gelandangan ini dengan memasak makanan untuk golongan gelandangan dan mengedarkan makanan ini kepada gelandangan-gelandangan setiap petang ahad tepat pada pukul 5 petang di sekitar Pasar Seni (Central Market) Kuala Lumpur di sebatang lorong atau jalan yang dikenali sebagai Jalan Panggung.

Selain Program Dapur Jalanan ini, terdapat NGO lain yang juga menjalankan inisiatif dalam membantu golongan tersebut iaitu sebuah NGO yang dikenali dengan nama Institut Memali. Institut Memali ini berperanan dalam menyediakan bantuan makanan dan pakaian kepada golongan gelandangan. Selain makanan dan pakaian sumbangan lain seperti buku dan alat tulis juga turut disumbangkan bergantung kepada sumbangan yang diberikan oleh orang ramai dan orang perseorangan. Dapat diperhatikan NGO-NGO yang membantu golongan gelandangan ini memberikan bantuan yang berbentuk “*One- Off*” yang bersifat sekali dan tidak membantu mereka untuk keluar daripada kehidupan melarat di jalanan. Antara kekangan yang dapat dikesan di dalam kebanyakan program yang dijalankan oleh NGO-NGO ini ialah kekurangan dana kewangan selain sumber tenaga yang profesional seperti pekerja sosial yang bertauliah dalam menjayakan program mereka. Ini sekaligus menyebabkan mereka gagal untuk merangka program jangka panjang yang berkesan dalam membantu golongan gelandangan ini (Wong Kin Yap 2014). Hal ini sangat kongruen dengan dapatan Rafiza Mohamed (2013) yang menyatakan bantuan dan program yang disediakan kepada gelandangan tidak dapat membawa mereka keluar daripada dunia bergelandangan tersebut.

Sememangnya Masalah golongan ini mendapat perhatian ramai pihak termasuk para sarjana untuk mengkaji permasalahan mereka sekaligus cuba membantu menyumbangkan saranan teori dan praktikal bagi menarik mereka keluar daripada kancuh gelandangan. Realitinya keprihatinan pelbagai pihak dilihat sangat positif. Usaha daripada pihak KPWKM, JKM dan YKN dilihat adalah serius untuk memastikan mereka mempunyai tempat tinggal dan berjaya menjadi masyarakat yang bermotivasi. Namun usaha itu dilihat tidak begitu mendatangkan hasil. Menurut Rafiza Mohamed (2013) yang telah membuat kajian terhadap gelandangan Muslim di Pusat Rujukan Intervensi Anjung Singgah (PRIAS) Jalan Lekiu Kuala Lumpur, mereka seolah-olah tiada semangat untuk hidup seperti orang lain. Menerusi temu bual yang telah dibuat olehnya bersama Kaunselor PRIAS, faktor sistem sokongan yang runtuh membuatkan mereka tidak dapat bangkit seperti masyarakat lain. Dalam erti kata lain ia mampu membina daya tahan bagi mereka. Menurut Zautra et.al (2010) daya tahan adalah

adaptasi yang berjaya terhadap kesukaran serta merupakan asas pemuliharaan dan kelestarian. Ia merujuk bagaimana individu boleh kembali dalam menghadapi cabaran dan mempunyai psikologi, fisiologi dan keseimbangan sosial. Justeru kajian tentang sistem sokongan ini amat perlu untuk meneliti sistem sokongan yang boleh diguna pakai bagi membantu golongan tersebut agar lebih berdaya tahan.

### **Persoalan Kajian**

Terdapat dua persoalan yang timbul hasil dari pernyataan masalah kajian diselesaikan dalam kajian ini.

1. Apakah sistem sokongan yang diperlukan oleh gelandangan?
2. Bagaimanakah ia dapat membantu membina daya tahan gelandangan?

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah jawapan kepada persoalan kajian yang mana ia akan membuahkan hasil kajian kepada berdasarkan persoalan yang timbul. Sebanyak dua objektif yang akan disasarkan berdasarkan persoalan kajian.

1. Mengenal pasti sistem sokongan yang sesuai diaplikasikan ke atas gelandangan.
2. Meneliti hubungan sistem sokongan dengan daya tahan gelandangan.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan. Kaedah analisis kandungan atau analisis teks (*texture analysis*) digunakan dalam kajian ini. Ia merujuk kepada penjelasan secara objektif dan sistematik terhadap maklumat-maklumat yang wujud secara tersurat (Ahmad Munawar, 2012). Sebanyak lima cara pengumpulan data dilakukan yang mana ia merujuk kepada teori dan suasana dalam teks. Kesemua kaedah ini bertujuan membuktikan kesahihan data yang dicatatkan.

Data primer diperolehi daripada jurnal diikuti tesis dan buku. Data yang diperolehi menerusi laman sesawang tidak mencukupi dapatan sarjana silam yang hanya diperolehi menerusi penulisan buku-buku ilmiah. Kesemua data yang diperolehi dianalisis dengan mengenalpasti konsep yang dikehendaki daripada satu-satu set dokumentasi. Seterusnya dokumentasi yang diperolehi dihurai dan diterokai secara terperinci terhadap konsep-konsep yang telah dikenalpasti dan memberi tumpuan kepada makna semantik atau kemanfaatan dan signifikasi hubungan (Sabitha 2005; William L.N 2005; Creswell J.W. 2009; Ahmad Munawar 2012). Oleh yang demikian data yang siap dianalisis mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

### **Keperluan Gelandangan Terhadap Sistem Sokongan**

Sistem sokongan atau *support system* adalah merupakan sesuatu keperluan bagi membantu seseorang. Tiada perkataan yang khusus di dalam kamus yang merujuk kepada sistem sokongan. Menurut al-Najati (1960) sistem sokongan atau *nizam al-da'imi* adalah merupakan asas untuk seseorang individu meneruskan kehidupan dengan lebih terarah dan dipandu. Ia merujuk kepada *ad-din* sebagai sokongan yang paling utama. Secara operasionalnya sistem

sokongan adalah merujuk kepada kerangka konseptual dan teoritikal yang mana ia terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu sokongan emosi, sosial dan komuniti. Definisi ini dibuat berdasarkan beberapa penulisan jurnal yang mendefinisikan sistem sokongan sebagai keperluan atau tulang belakang bagi seseorang meneruskan hidup IRISE (2013). Pendekatan sokongan keluarga (*family support approach*) merupakan satu proses untuk menolong individu memahami dirinya sendiri dan persekitarannya (Haneza Rahman 2006) mempengaruhi tingkah laku seseorang sama ada positif atau negatif (Nicholas & Schwart 1995) dalam Haneza Rahman (2014). Dapatan tersebut juga sangat signifikan dengan hasil kajian Rafiza Mohamed (2013) yang mendapati 99 peratus daripada gelandangan yang ditemu bual tidak mempunyai keluarga sama ada melarikan diri daripada keluarga, ditinggalkan keluarga dan dipinggirkan oleh keluarga.

Terdapat beberapa penulisan berkenaan sistem sokongan oleh sarjana Islam namun tidak dipatenkan secara khusus dalam bentuk teori (al-<sup>c</sup>Ani 1998). Sistem sokongan yang diketengahkan oleh RISE dalam A Project Of L.A Gay and Lesbian Center (2013) mendapati bahawa sistem sokongan yang berupa asas iman *faith-based*, sokongan emosi, komuniti dan sosial amat diperlukan oleh 40 peratus LGBT di L.A. Sistem sokongan sosial didapati mempunyai kaitan dan hubungan yang sangat signifikan dengan daya tahan atau *resilience* dalam kalangan gelandangan. Ia dikatakan mampu membentuk gelandangan menjadi individu yang sukses. Wolin dan Wolin (1993) menyatakan ia merupakan 'gugusan kekuatan diri' yang dimobilasikan ketika mengharungi keperitan hidup. Kumpulan kekuatan diri ini termasuklah celik akal, sifat berdikari, corak perhubungan, inisiatif diri, kreativiti, humor dan moral. Hal ini sebenarnya akan membuatkan seseorang mampu bertahan dalam apa jua keadaan.

Lyndsey Kotchapaw (2011) telah mengkaji tentang gelandangan dan daya tahan. Beliau mendapati bahawa hubungan persahabatan yang positif atau *positive relationships* amat penting untuk membentuk daya tahan gelandangan. Antara pengkaji yang membenarkan bahawa hubungan persahabatan yang positif sebagai sistem sokongan adalah seperti (Smith 2010, Hartling 2008, Jordan 1992, Zautra et al. 2010). Seterusnya Lyndsey (2011) mendapati bahawa sistem sokongan yang berupa emosi dan galakan adalah yang terbaik untuk membawa golongan tersebut keluar daripada dunia gelandangan.

Walau bagaimanapun kajian Rafiza Mohamed (2013) yang mendapati mereka lebih selesa berada dalam kelompok gelandangan telah membuktikan mereka tidak dapat keluar dari dunia gelandangan walaupun ada rakan yang rapat. Hal ini sangat kongruen dengan dapatan Anderson (1975) yang menyatakan mereka sukar didekati dan selesa dalam kumpulan sendiri. Oleh itu pengaruh dari rakan yang rapat adalah dari kalangan kelompok mereka yang tidak mungkin akan menghasilkan daya tahan yang sebenar. Daya tahan yang diketengahkan oleh sarjana barat adalah berbeza dengan apa yang diketengahkan oleh sarjana Islam. Mariani (2004) menyatakan daya tahan adalah merujuk kepada keupayaan seseorang untuk mengatasi atau menghadapi keperitan hidup, serta bangkit semula daripada trauma dan kekecewaan yang dialami oleh seseorang. Individu yang mempunyai daya tahan akan berupaya dan tabah menghadapi segala cabaran yang melanda hidup mereka. Menurut Muhammad Ibrahim (2010) daya tahan merupakan kekuatan individu dalam menghadapi mehnah dan tribulasi serta dapat membezakan perkara yang elok dan sebaliknya. Ia lebih menyetengahkan kekuatan individu dalam menegakkan yang *ma<sup>c</sup>ruf* dan mencegah yang mungkar serta berpegang dengan keimanan kepada Allah. Ia sebenarnya disandarkan kepada ad-din yang bertindak sebagai sistem sokongan.

## Sistem Sokongan Agama

Dalam psikologi Islam, individu yang sejahtera adalah mereka yang mempunyai peribadi yang sihat atau jiwa yang sihat (al-Najati 1984), Qasim Shihab (2000) membentuk masyarakat yang sihat, Hassan al-Syarqawi (2002) sahsiah yang sejahtera. Pengkajian metod untuk membentuk individu melalui agama berpandukan al-Quran dan al-hadith telah dirungkaikan oleh pengkaji-pengkaji Islam yang muktabar seperti Al-Munziri (1997, al-Najati 1980, 1985, 1987, 2002), al-Qardawi (1984), al-Qusi (1969), Ibnu Qayyim (1971) Muhammad °Audah & Kamal Ibrahim (1986), Uthman Labib (1970), Hamid Zahran (1977, 1978). Daripada kupasan-kupasan yang dibuat oleh sarjana Islam jelas menunjukkan bahawa Islam adalah sebagai cara hidup sebenarnya membawa manusia ke jalan yang lebih baik dan sejahtera.

Al-Farabi (1977), sebagaimana yang dinukilkan oleh Nazneen Ismail (2014) menyatakan bahawa manusia memerlukan bantuan orang lain untuk mencapai kesempurnaan. Sehubungan itu sistem sokongan dilihat sebagai salah satu medium untuk membantu menyelesaikan masalah gelandangan ini dengan memberi nasihat dan peringatan. Hal ini bertepatan dengan apa yang digariskan oleh al-sunnah yang mentarjihkan bahawa *ad-din* itu sebagai satu nasihat.

الدين النصيحة , قلنا لمن؟ قال : لله ولكتابه ولرسوله ولأئمة المسلمين وعامتهم

(Muslim t.th., al-Iman bab bayan °anna al-din al-nasihah 1:74)

*Maksudnya:*

*Agama adalah nasihat pengajaran. Kami bertanya: bagi siapa? Jawab Rasulullah SAW: bagi Allah, kitabnya, RasulNya, imam-imam yang Islam dan sekalian orang Islam.*

Al-Nawawi (1929) menjelaskan nasihat bagi sekalian orang Islam ialah hendaklah diberi tunjuk ajar mengenai dunia dan akhirat mereka, mengajar apa yang mereka tidak tahu mengenai urusan agama, menolak kemudaratan daripada mereka, menyuruh mereka kepada yang *ma°ruf* dan melarang yang mungkar dan sebagainya yang berhubungan dengan kemaslahatan orang Islam. Dengan penerangan ini, jelaslah bahawa agama itu sebagai nasihat dan pengajaran kepada orang Islam, tetapi dari sudut pembentukan masyarakat Islam, ia boleh dirujuk kepada nasihat dan pengajaran kepada sekalian manusia (Jawiah Dakir 2008). Maka dapat difahami bahawa nasihat itu adalah sokongan kepada mereka untuk membina kekuatan diri dan hidup cara yang direstui oleh Allah. Seterusnya Allah s.w.t. berfirman dalam kitabnya tentang peringatan dan nasihat ini.

فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنفُسِهِمْ قَوْلًا بَلِيغًا

(al-Nisa° 4:63)

*Maksudnya:*

*Dan berilah nasihat pengajaran kepada mereka dan katakanlah kepada mereka kata-kata yang boleh memberi kesan pada hati mereka.*

Menurut Ibnu Kathir (1985) Allah s.w.t. memerintahkan Rasulullah s.a.w. supaya memberi pengajaran nasihat kepada orang-orang munafik tentang keburukan sifat buruk mereka, melalui perkataan yang memberi kesan di jiwa mereka bagi menegah keburukan mereka. Sekalipun ayat ini ditujukan kepada orang-orang munafik, namun kandungannya meliputi semua golongan manusia (Jawiah Dakir 2008). Nasihat dan pengajaran ini bersifat holistik dan tentunya sesuai digunakan kepada setiap agama dan bangsa. Nasihat dan galakan adalah dua komponen yang mampu dijadikan sistem sokongan kepada individu. Hikmah dan

nasihat merupakan metod untuk membentuk masyarakat Islam khususnya dan masyarakat lain amnya (Jawiah Dakir 2008). Metod ini dilihat sesuai dan seiring dengan apa yang digariskan oleh al-Imam al-Ghazali (1988) yang menyatakan bahawa *ad-din* itu adalah sebagai nasihat. Menurut Ibnu Kathir (1985) hikmah itu ditafsirkan sebagai apa-apa yang diturunkan (al-Razi 1952) sebagai hujah yang pasti yang membawa kepada akidah yang betul. Dengan erti kata lain hikmah itu merangkumi al-Quran dan al-sunnah (Jawiah Dakir 2008). Sehubungan dengan itu pembinaan sistem sokongan yang sangat signifikan adalah *ad-din* sebagai nasihat dan galakan. Kedua-dua item ini mampu membina daya tahan gelandangan.

Para sarjana mengakui bahawa kasih sayang dan persaudaraan mampu memajukan umat (Guillame 1979). Beliau menegaskan bahawa gabungan ini mampu membina pertahanan yang kukuh. Dalam erti kata lain ia mampu membina daya kekuatan ummah. Durkheim (1971) berpendapat bahawa agama menjadi sistem kepercayaan yang menyatukan individu dalam komuniti (Jawiah Dakir 2008) menjadi satu tenaga sosial yang menyatukan penganutnya. Semua ini dapat dilakukan dengan adanya kasih sayang (*mahabbah*). Pengorbanan dan pertolongan antara sesama mukmin atau yang selainnya adalah kerana adanya kasih sayang dan persaudaraan.

Menerusi beberapa pandangan sarjana yang diketengahkan di atas dapat difahami bahawa untuk membentuk daya tahan seseorang memerlukan sistem sokongan. Sistem sokongan yang paling utama adalah keluarga (Haneza Rahman 2014). Mereka yang berisiko sama ada dari kalangan remaja atau lapisan masyarakat yang lain adalah berasal dari persekitaran dan sistem keluarga yang tidak berfungsi. Akibat kemiskinan, kehidupan yang dilalui penuh dengan kekacauan dan terlepas dari ikatan kekeluargaan dan kasih sayang serta pemerhatian (Azzayati et.al 2013). Hal ini juga sangat bersesuaian dengan dapatan yang diperolehi dalam kajian Rafiza Mohamed (2015) yang mendapati gelandangan di Pusat Rujukan Intervensi Anjung Singgah (PRIAS) membesar dalam institusi keluarga yang gagal dan berpecah-belah. Hal ini membuatkan mereka kehilangan sistem sokongan daripada institusi yang sangat penting untuk pembentukan jati diri.

Statistik JAKIM mendapati purata sebanyak tiga kes penceraian bagi setiap jam dalam kalangan pasangan Muslim di negara ini. Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (MPWIM), Prof. Madya Datin Noor Aziah Mohd Awal berkata, maklumat itu diperolehi daripada kajiannya terhadap statistik penceraian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi tahun 2011. Ini berikutan terdapat purata 70 kes penceraian dilaporkan sehari, 2,000 kes dilaporkan sebulan dan 25,000 kes setahun di seluruh negara bagi tahun 2011. Statistik penceraian daripada Jakim dari tahun 1990 hingga 2010 sentiasa menunjukkan peningkatan kes penceraian setiap tahun. Kebanyakan responden yang ditemui dalam kajian Rafiza Mohamed (2013) adalah mangsa perceraian dan mangsa keluarga yang bercerai. Pernyataan daripada MPWIM menguatkan lagi fakta bahawa sistem sokongan keluarga yang runtuh menjadikan mereka tidak dapat bertahan dan membawa diri bergelandangan.

Jelas di sini sistem sokongan yang utama yang diperlukan oleh mereka adalah sokongan keluarga. Di samping sokongan keluarga, nasihat juga diperlukan oleh mereka. Ibnu Kathir (1985) menyebut *al-maw'zah al-hasanah* bermaksud nasihat atau pengajaran yang menarik dan dengan menyebut peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan manusia yang boleh dijadikan iktibar supaya manusia dapat mematuhi perintah Allah dan laranganNya. Hal ini sangat signifikan dengan pembentukan diri seseorang. Sekiranya nasihat yang bertepatan dengan *ad-Din* ini diaplikasikan dengan metod yang murni dan ikhlas, maka ia akan memberikan satu sistem sokongan yang berkesan kepada gelandangan.

Di samping sokongan institusi keluarga dan nasihat yang baik, metod galakan adalah sangat sesuai bagi membina motivasi (al-Ghazali 1988). Namun begitu galakan sahaja tidak mencukupi kerana momentum tidak dapat dilonjakkan kerana akan bersifat pasif. Menurut

Jawiah Dakir (2008) kaedah *al-tarhib* (galakan) dan *al-tarhib* (ancaman) adalah sebagai salah satu cara yang penting dalam usaha menyeru manusia ke jalan Allah. Rasulullah s.a.w. menggunakan kaedah *al-tarhib* dan *al-tarhib* dalam melaksanakan pembentukan masyarakat Islam. Dengan metod ini manusia dapat didedahkan kepada kebaikan dan keburukan yang akan diterima sebagai balasan sikap yang menerima atau menolak terhadap ajaran Allah s.w.t. Seperti mana dalam bab mentaati Rasul dan tidak mendustakannya, Abu Hurairah r.a meriwayatkan:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: كل أمّتي يدخلون الجنة إلا من أبي. قالوا: يا رسول الله ومن أبي؟ قال من أطاعني دخل الجنة, ومن عصاني فقد أبي .

(al-Bukhari t.th., al-I'tisam bab al-iqtida' bisunan Rasulullah s.a.w. 9:114)

*Maksudnya:*

*Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda: setiap umatku akan masuk syurga, kecuali orang yang enggan. Mereka (sahabat) berkata: Wahai Rasulullah, siapakah yang enggan? Rasulullah s.a.w. bersabda: siapa yang mentaatiku, ia masuk syurga dan sesiapa yang mengingkariku sesungguhnya ia enggan.*

Hadith di atas mengandungi unsur *tarhib* dan *tarhib* yang selari. Ia sangat penting dalam komunikasi hari ini terutamanya untuk memberi galakan dan motivasi dan dalam masa yang sama tidak mudah hanyut dengan galakan tersebut maka digandingkan ia dengan unsur *tarhib* sebagai ancaman agar tidak lalai. Begitu Allah s.w.t. selalu memberikan janji baik kepada yang mentaatinya dan janji buruk kepada yang ingkar kepadanya (Nuh 71:10-12; al-A'raf 7:63; al-Taghabun 64: 9-10). Kesemua ayat tersebut mengandungi unsur *tarhib* dan *tarhib* yang amat diperlukan dalam kehidupan manusia tanpa mengira status dan genre.

## Hasil Kajian

Menerusi beberapa kajian lepas, jelas sekali menunjukkan bahawa sokongan yang asas amat diperlukan oleh gelandangan. Dapatan kajian yang hendak diketengahkan adalah perlunya gelandangan terhadap sokongan agama untuk menghadirkan rasa motivasi dalam diri mereka. Terdapat tiga indikator dalam agama (al-Nahlawi 2002; Zakaria Stapa 2002; Fatin Hazwani 2005; Azma 2006; Khairol Anwar Mastor 2008; Jamiah Hj Manap et.al 2010; Rafiza Mohamed 2015). Ketiga-tiga indikator ini dirangkumkan dalam memberi pengertian kepada agama.

Apabila keperluan sokongan agama dibicarakan, ia sekaligus merujuk kepada ketiga-tiga indikator tersebut. Geertz (1968) menyatakan manusia perlu kepada agama kerana dari segi psikologinya ia merupakan suatu keinginan dan keperluan individu untuk menguatkan harapannya dari sesuatu yang dianggapnya berkuasa yang mampu memberikan harapan dan kasih sayang. Beliau mendapati akal tidak cukup untuk menjelaskan pengalaman yang begitu kompleks. Dengan erti kata lain perasaan hidup beragama boleh membawa seseorang mengenal tujuan dan erti kehidupan dan menandatangani makna. Rafiza Mohamed (2015) mendapati bahawa gelandangan dilihat seolah-olah tidak mempunyai semangat dan tujuan hidup. Oleh itu sokongan agama ini sangat signifikan untuk mereka mempunyai rasa sebagai hamba kepada Tuhan yang mempunyai tujuan hidup di muka bumi ini.

Namun apa yang ingin diketengahkan dalam hasil kajian ini adalah pendekatan sokongan agama yang sesuai bagi gelandangan. Bertepatan dengan konsep *da'ie* dan *mad'u* dan manhaj pendekatan yang digunakan ke atas gelandangan hendaklah bersesuaian dengan kondisi mereka yang mempunyai nilai penghayatan agama yang rendah (Rafiza Mohamed 2015) di samping mempunyai personaliti yang bersifat *neurotisme* dan sukar didekati, maka



pendekatan *tarhib* dan *targhib* dan nasihat serta *maw'izzah hasanah* sangat kongruen dengan mereka. Institusi keluarga sememangnya memainkan peranan yang penting dalam menyalurkan sokongan ini. Namun berdasarkan situasi mereka yang tidak mempunyai keluarga maka peranan ini diambil alih oleh masyarakat khususnya yang bergiat aktif menyalurkan bantuan kepada mereka amnya dan pihak berwajib khususnya seperti KPWK, YKN, JKM dan yang seumpamanya. Hal ini adalah untuk memastikan kelangsungan sokongan terhadap gelandangan mampu dilaksanakan secara konsisten.

Selain itu perhatian menerusi perhatian dan kasih sayang juga adalah sangat diperlukan oleh gelandangan. Oleh kerana kebanyakan mereka mengalami keruntuhan institusi keluarga maka perhatian dan kasih sayang amat diperlukan oleh mereka yang mana penerapan nilai kasih sayang ini amat dititiberatkan dalam Islam menerusi *manhaj hablu minannas*. Dalam penjelasan Hashim (1997) dan 'Abd al-'Al (2007) menyatakan hubungan individu dengan kelompok masyarakat (*hablu minannas*) menjadi pemangkin kesuburan kepada jalan kebaikan, kebahagiaan dan kesejahteraan. Oleh itu perhatian yang diberikan oleh masyarakat mampu membentuk kasih sayang kerana ia menepati konsep yang disebutkan secara nyata oleh Allah s.w.t dalam al-Quran.

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ أَيْنَ مَا تُقِفُوا إِلَّا بِحَبْلِ مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلٌ مِّنَ النَّاسِ

(ali 'Imran, 3:112)

*Maksudnya:*

*Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala urusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya hubungan dengan Allah dan adanya hubungan dengan manusia.*

Ayat al-Quran yang disebutkan adalah bukti bahawa pengecualian daripada kehinaan adalah dengan adanya hubungan yang baik dengan Allah s.w.t dan hubungan sesama manusia. Oleh itu *manhaj* yang digariskan oleh Islam sangat praktikal. Hal ini kesemuanya menunjukkan keperluan manusia amnya dan gelandangan khususnya terhadap sistem sokongan agama dalam kehidupan mereka.

## Penutup

Setelah dianalisis pandangan sarjana berkaitan sistem sokongan yang diperlukan oleh sesebuah masyarakat amnya dan gelandangan khususnya, maka dapat disimpulkan bahawa sistem sokongan yang dikenalpasti ialah institusi keluarga, nasihat dan *maw'izzah hasanah* serta *targhib* dan *tarhib*. Ketiga-tiga komponen ini dilihat mampu memberikan daya tahan kepada gelandangan Muslim khususnya dan non-Muslim amnya. Ia juga memberikan implikasi secara teoritikal dan praktikal terhadap perlaksanannya. Dari sudut teoritikal ia memberikan impak yang berbeza kerana pendekatannya lebih islamik dan holistik berdasarkan *ad-din* sebagai cara hidup. Manakala implikasi dari sudut parktikal pula ia meninggalkan kesan pada jiwa gelandangan tersebut jika dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan efisien terhadap mereka yang sememangnya perlu kepada sistem sokongan yang bersifat spiritual dan bukannya metarial semata-mata. Seterusnya ia juga memberi implikasi kepada KPWPKM, JKM dan YKN yang sekaligus mendapat cara menangani fenomena gelandangan ini. Cadangan agar sistem sokongan ini gabungjalinkan dengan mana-mana sistem sokongan yang sedia ada agar ia mampu memberikan impak maksima ke atas pembentukan kehidupan yang normal dan berdaya tahan. Di samping cadangan tersebut, saranan untuk mendapatkan perbezaan kesan sistem sokongan berteraskan Islam dan yang

bukan Islam juga amat penting diketengahkan. Ia dijangka akan diterokai dalam kajian yang berikutnya.

## Bibliografi

Al-Quran.

Abd al-cAl, al- Sayed Muhammad Abd al-Majid, 2007. *Al-Suluk al-Insani fi al-Islam*. Oman: Dar al-Masirah.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad b. Muhammad. 1988. *Ihya Ulumiddin Jiwa Agama*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.

Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan. 2012. *Memahami Kuantitatif & Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.

Anderson. 1975. *The Hobo*. The Sociology of The Homeless Man. Chicago: The University of Chicago Press.

Azzyati Mohd Nazim, Fariza Md Sham & Salasiah Hanin Hamjah. 2013. *Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

al-Najati, Muhammad Uthman. 1989. *Al-Quran wa Ulum al-Nafs*. Kaherah: Dar Al- Shuruq.

Al-Najati, Muhammad Uthman Najati. 1401H/1981. *al-Dirasat al- Nafsaniiyyah 'inda al-Ulama' al-Muslimin*. Kuwait: Darul Syuruq.

Al-Razi, Abd Rahman b. Abi Hatim Muhammad b. Idris b. al-Mundhir. 1271H/1952. *Kitab al-Jarh wa Ta'dil*. 9 Juzuk. Al-Hind: Matba'ah Majlis Da'irah al-Ma'arif al-Umaniyyah.

Al-Nawawi, Muhy al-Din Abu Zakariya Muhy ibn Sharf b, Muriyy al-Hazami. 1347/ 1929. *Sharh Sahih Muslim*. 18 juzuk. Mesir: al-Matba'ah al-Misriyyah.

Durkheim, E. 1971. *The Elementary Forms of the Religious Life*. Ed. Ke-7. London: George Allen & Unwin Ltd.

Geertz, C. 1968. *Islam Observed: Religious Development in Morocco and Indonesia*. Chicago: The University of Chicago Press.

Guilliaume, A. *Islam*. 1979. t.tp: Penguin Books.

Haneeza Rahman. 2006. *Pendekatan Sokongan Keluarga (family support approach): Satu Kajian kes Terhadap pesakit Skizoprenia*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.

Hashim, Ahmad Umar, 1997. *Al-Islam wa Bina' al-Shakhsiyyat*. Kaherah : Alam Kutub [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130809/dn\\_05/3-pasangan-Islam-bercerai-setiap-jam-di-Malaysia#ixzz3UNb5zfxl](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130809/dn_05/3-pasangan-Islam-bercerai-setiap-jam-di-Malaysia#ixzz3UNb5zfxl) © Utusan Melayu (M) Bhd

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail b, Kathir al-Quraishiyyi al-Dimashqiyyi (w/ 774H). 1406/1985. *Tafsir al-Quran al-Azim*. 4 juzuk.Beirut: Alam al-Kutb.

Jawiah Dakir. 2008. *Dasar dan Kaedah Pembentukan Masyarakat Islam Menurut Perspektif al-Sunnah*. Selangor: International Law Book Services.

Lindsey Kotchapaw. 2011. *Homelessness and Resilience*. Advanced Qualitative Methods. Kanada: Ambrose University College.

Mariani Mansor. 2004. *Faktor-Faktor Persekitaran Ekologikal Manusia Ke Atas Perkembangan Personaliti Dan Daya Tahan Kanak-Kanak Mangsa Penderaan*. Tesis PhD Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Muslim, Abu al-Husayn Muslim b, al-Hajjaj al-Qurashiyyi al-Naysaburi (206-261H). 1374H/1955M. *Al-Jami' al-Sahih*. Tahqiq Muhammad Fu'ad al-Baqi. 5 juzuk. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.

Muhammad Ibrahim. 2010. *Memahami Konsep Kualiti hidup*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.

Nazneen Ismail. 2014. *Psikologi Agama*. Terapi Mengurus Emosi Berlandaskan Al-Quran dan Sunah. Selangor: Must Read Sdn.Bhd.

- Norazizaliza. 2012. *Tahap Tekanan Dan Kesiediaan Mendapatkan Khidmat Kaunseling Golongan Gelandangan Di Rumah Anjung Singgah*. Tesis Sarjana. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Rafiza Mohamed. 2013. *Tret Personaliti dan Religiositi Gelandangan Musim di Pusat Rujukan Intervensi Anjung Singgah, Kuala Lumpur*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rafiza Mohamed. 2015. *Gelandangan Antara Tret Personaliti dan Religiositi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- RISE. 2013. *A Project Of L.A Gay and Lesbian Center*. Los Angeles.
- Wolin, S.J., & Wolin, S., (1993) *The Resilient Self*. New York: Villard Books.
- Wong Kin Yap, Lee Chew Chang, Mohd Saiful Azri Mohd Fouzi, Muhamat Hamzah Eksan, Muhd Farid Ashman Abd Latif. 2014. *Masalah Gelandangan Kuala Lumpur: Satu Tinjauan*. Pengantar Dasar Sosial. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zautra, Alex, John Hall and Kate Murray. 2010. "Resilience: A New Definition of Health for People and Communities," Pp. 3-29 in *Handbook of Adult Resilience*, edited by J. Reich, A. Zautra and J. Hall. New York: The Guilford Press.